

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	30 / 7 / 2017

WARUNG RAKYAT
OLEH
ZULKEFLI HAMZAH
warungrakyatmingguan@gmail.com




STRATEGIS Pakatan Harapan nampaknya begitu terdesak, sehinggalah perlu mengheret Pengerusi dan Presiden serta gerombolan kepimpinan tertinggi hanya untuk membuat urusan mendaftarkan parti.

Badut-badut politik harapan UM-
30/7/2017
P. S.

JUAAAT lalu, pimpinan Pakatan Harapan berbondong-bondong mendatangi pejabat Jabatan Pendaftaran Pertubuhan (ROS) di Putrajaya. Tujuan yang tersurat hanya satu iaitu menghantar permohonan pendaftaran gabungan itu.

Di situ ada pimpinan tertinggi Pakatan Harapan. Ada Pengerusi, Tun Dr. Mahathir Mohamad (PPBM) bersama Presidennya, Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (PKR). Yang juga hadir ialah Timbalan Presiden, Mohamad Sabu (PAN) dan Tan Sri Muhyiddin Yassin (PPBM) selain Naib Presiden, Datuk Seri Mukhriz Mahathir (PPBM).

Barangkali inilah barisan badut-badut politik yang disebut oleh generasi Y dalam Forum Mahathir Ejen Perubahan atau Ejen Pemusnah di Bangsar tiga hari sebelum pimpinan Pakatan Harapan ini berkampung di pejabat ROS.

Para strategis Pakatan Harapan nampaknya begitu terdesak, sehinggalah perlu mengheret Pengerusi dan Presiden serta gerombolan kepimpinan tertinggi hanya untuk membuat urusan mendaftarkan parti.

Kalau diluk cukuplah sekadar menghantar Ketua Setiausaha gabungan itu, Datuk Saifuddin Abdullah (PKR) yang ada pengalaman dalam kerajaan semasa dalam UMNO dahulu. Bukan susah pun.

Hal-hal sebeginilah yang menghantui generasi Y mahupun generasi reformasi, yang sebelum ini tegar bersama pakatan pembangkang. Hal lebih mendasar yang menyebabkan mereka berpaling daripada memberikan harapan kepada pakatan baharu ini ialah kehadiran Dr. Mahathir.

Sejak sekian lama, pada setiap detik mereka telah diusah untuk membenci pemimpin dilabel diktator ini. Bagaimana mungkin dapat mengubah minda yang sudah ditanam dengan kebencian sebegini rupa. Bagaimana mungkin dapat menerima hakikat 'sapa segala kejahatannya' itu kini perlu dijulung sebagai pemimpin mereka.

Kebanyakan kumpulan yang mengangkat pakatan pembangkang sebelum ini bukan politikus. Mereka idealis yang berpegang kepada kata-kata azimat dan janji pembaharuan oleh pemimpin pembangkang. Kini, semua itu ternyata hanyalah kepalsuan.

Wajahnya jika mereka menyuarakan rasa penat dengan politik air liur yang dipertontonkan pimpinan pakatan. Strategi menyasarkan serangan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak tidaklah mudah. Najib rupa-rupanya bukan sasaran rapuh seperti yang mereka jangka.

Ketandusan

Kekuatan pembangkang yang selalu dikaitkan dengan anak muda semakin luntur. Di sebalik cabaran ekonomi, pentadbiran Najib telah memberikan bukti yang nyata seperti diharapkan rakyat.

Sistem pengangkutan Aliran Transit Massa (MRT) dan bantuan BRIM sebagai contoh adalah realiti pentadbiran BN tidak seperti yang pembangkang gambar-gembar. Kebenaran itu akhirnya muncul satu persatu.

Kini, Pakatan Harapan tidak mampu lagi berundur atau membuat pusingan U mahupun menarik brek bahkan berundur atau membuat pusingan U. Dalam semangat yang masih membara bahawa 'satu titik i Mahathir pun tidak boleh dipercayai', Pakatan Harapan terpaksa digerakkan, apakan daya.

Apa jua cara mesti dilakukan. MRT yang menjadi kebanggaan negara mahupun BRIM yang banyak memberi manfaat terpaksa diserang habis-habisan. Tanpa sedar, ini semua telah menjadi boomerang, terkena batang hidung sendiri.

Dalam masa sama, tidak banyak 'wow' yang dilakukan oleh pembangkang sama ada di Selangor mahupun Pulau Pinang. Yang banyaknya hanya gimik, ceramah air liur yang tidak berpijak di bumi nyata.

Sama juga semasa mereka beramai-ramai mendatangi pejabat ROS. Gimik lapuk seperti itu bagi pemimpin Pakatan Harapan masih penting dan laku di pasaran. Sepatutnya dengan wajah yang baharu, Pakatan Harapan bergerak dengan *macho* dan seksi. Barangkali mereka sendiri sudah ketandusan gimik untuk mendabik dada tentang gagahannya Pakatan Harapan sekarang. Baru ada satu logo dan satu perlembagaan pun sudah bangga sehabis gila.

Dr. Mahathir dalam sidang medianya turut memuji ROS sebagai pihak yang bersahabat. Tidakkah seperti yang mereka gambar-gembarkan sebelumnya bahawa ROS akan menyusahkan bahkan bakal menggagalkan pendaftaran Pakatan Harapan. Tidakkah sebagaimana sikap DAP yang memusuhi ROS hanya kerana ketegasan jabatan tersebut membatalkan pemilihan pimpinan parti berlabang roket itu. Apa yang tidak dikata oleh DAP - ROS bersikap pelik dan ROS sabotaj DAP.

Begitulah apabila ada agensi kerajaan yang tidak menyebelahi mereka. Jika memihak, semasa dikata baik dan mulus. Jika sebaliknya, dakwaan yang popular ialah menjadi alat kerajaan BN.

Apa lagi gimik yang mungkin dilakukan oleh badut-badut harapan ini? Mereka kini berada dalam keadaan serba salah. Kehadiran Dr. Mahathir yang digunakan bagi mewujudkan gelombang 'tsunami Melayu' ditentang oleh aktivis parti pembangkang sendiri.

Begitupun Pakatan Harapan tiada jalan lain seperti kata pepatah, maju kena undur pun kena. Dr. Mahathir akan kekal dengan karakter seperti itu. Walaupun sebesar mana tentangan dari dalam, Pakatan Harapan terpaksa digerakkan dalam wadah yang sudah tercemar itu.

Mungkinkah badut-badut harapan ini akan berjaya mempengaruhi khalayak umum? Setakat ini jawapannya tidak.